



KEMENTERIAN EKONOMI

PERSIDANGAN PERMULAAN




RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS:

Bagaimana kita mencoraknya...

5 - 6 September 2024



RANGKA PEMBENTANGAN




RANGKA PEMBENTANGAN



TREND MEGA



**PERUBAHAN
SUSUNAN BLOK
EKONOMI**



**PERUBAHAN
TEKNOLOGI &
DIGITAL MASA
HADAPAN**



**PERUBAHAN
DEMOGRAFI &
KUALITI HIDUP**



**KRISIS
KESIHATAN
BUMI**

Trend mega yang mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa hadapan merangkumi empat aspek utama, iaitu perubahan penguasaan dan landskap blok ekonomi; kemajuan teknologi dan digital masa hadapan; perubahan demografi berkaitan penuaan, migrasi dan polikrisis, dan kualiti hidup; serta krisis kesihatan bumi termasuk biodiversiti, perubahan iklim dan tenaga boleh baharu.

Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

Global

Malaysia


1 Perubahan Susunan Blok Ekonomi




KDNK Dunia dijangka meningkat lebih perlahan dengan kadar purata 2.5% setahun bagi tempoh 2024-2050

Perubahan Kuasa Ekonomi dunia - Kebangkitan Timur dan Selatan

Konflik Geopolitik membentuk fragmentasi yang ketara dalam kalangan **blok ekonomi**



Dilema Peningkatan Hutang akibat dasar monetari yang ketat oleh negara maju – **hutang sektor awam, sektor swasta dan isi rumah**



KDNK negara diunjur meningkat 3.6% setahun daripada **RM1.6 trilion (2024)** kepada **RM4.1 trilion (2050)**

Potensi pelaburan dan perdagangan – destinasi kepelbagaian pelaburan dan perdagangan

Pendapatan isi rumah dijangka bertambah baik seiring dengan peningkatan KDNK

Komitmen kewangan Kerajaan yang lebih tinggi


Perubahan susunan blok ekonomi global memerlukan negara menyusun semula strategi dan keutamaan dengan melaksanakan reformasi bagi meraih peluang yang ada dan menangani cabaran yang wujud.

Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

Global

Malaysia

2 Perubahan Teknologi Dan Digital Yang Pantas




Advanced Robotics



Data raya



Pengkomputeran Awan




Kecerdasan Buatan (AI)



Advanced Genomics



Jurang teknologi semakin melebar antara negara maju dengan negara lain



Ekonomi automasi - perlu beralih kepada automasi dalam semua sektor

Peningkatan **penerimgunaan teknologi termaju** dan R&D&C&I



Kemunculan jenis pekerjaan baru

Peningkatan **keputusan berpaksikan data**

Pertumbuhan eksponen teknologi pengkomputeran dan transformasi digital oleh negara peneraju teknologi menuntut tindakan pantas dalam pelaksanaan strategi RMK13 untuk melonjakkan industri bernilai tinggi dan berdaya maju serta penggunaan teknologi termaju bagi memastikan jurang akses dan kapasiti digital dengan negara maju dapat dirapatkan.

Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

Global

Malaysia

3 Perubahan Demografi dan Kualiti Hidup



Kesan berganda polikrisis menguji daya tahan masyarakat (krisis ekonomi & kesihatan, konflik geopolitik & bencana alam)



Peningkatan migrasi global

Peningkatan kumpulan pendapatan penengah mempengaruhi trend kepenggunaan



Kemerosotan kepercayaan terhadap sistem demokrasi dan institusi



Peningkatan populasi menua

Pada 2050, **16.7%** daripada populasi dunia berumur >65 tahun




Peningkatan kesenjangan pendapatan dan kekayaan

Peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan berkaitan kesihatan mental 2.5% penduduk dewasa Malaysia mengidap **4 NCD**

Cabaran untuk mengekalkan **keharmonian dan perpaduan rakyat**

Cabaran negara menua 20% daripada penduduk Malaysia pada tahun 2044 berumur >65 tahun



Kesan berganda polikrisis dan perubahan demografi memberi impak negatif kepada kumpulan rentan. Persediaan awal diperlukan bagi menangani kesan perubahan melalui penyesuaian dasar.

Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

Global

4 Krisis Kesihatan Bumi



Keperluan meningkatkan 60% pengeluaran makanan



Perubahan iklim yang pantas

50% ↑ dalam pelepasan GHG menjelang 2050
10% kehilangan biodiversiti menjelang 2050



55% ↑ dalam permintaan air



Permintaan tenaga boleh baharu meningkat



Peningkatan kos pemulihan akibat pencemaran alam sekitar



Peningkatan suhu (+3 ~ 4°C)
200 juta jangkakan penempatan semula penduduk secara tetap berikutan peningkatan paras laut, banjir & kemarau

Malaysia



2005: 288 juta tan CO₂ setara

GHG ↑



2050: 514 juta tan CO₂ setara

Seiring pertumbuhan ekonomi: Penggunaan sumber asli dan penghasilan sisa

Menyahgandingan pertumbuhan ekonomi dengan pelepasan GHG

Mempercepat peralihan tenaga



Perubahan Iklim



Cabaran Jaminan Makanan

Krisis kesihatan bumi yang semakin meruncing akan menjadi ancaman besar kepada generasi masa hadapan sekiranya pendekatan pertumbuhan hijau tidak dilaksanakan daripada sekarang. Inisiatif berimpak tinggi dalam memelihara dan memulihara kesihatan bumi perlu dilipatgandakan.

Selain daripada trend mega, isu struktur pada peringkat domestik juga perlu ditangani...



Pembangunan Ekonomi

- Peralihan struktur ekonomi yang perlahan
- Kekurangan tenaga kerja mahir
- Pasaran buruh yang kurang berdaya saing
- Ketidakupayaan PMKS untuk meningkatkan skala
- Ketersediaan infrastruktur digital yang terhad
- Ekosistem R&D&C&I kurang matang



Kesejahteraan Rakyat

- Tekanan kos sara hidup
- Ketaksaksamaan sosioekonomi
- Pembangunan antara wilayah yang tidak seimbang
- Ekosistem pendidikan yang tidak kondusif
- Jurang akses dan kualiti penjagaan kesihatan
- Perumahan mampu milik yang tidak mencukupi



Kemampanan

- Perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pencemaran alam sekitar
- Pelaksanaan SDG dan penerimaan ESG yang terhad
- Pembangunan dan produktiviti tidak seimbang antara sektor ekonomi
- Kekurangan pelaburan berkualiti



Tatakelola

- Cabaran pengurusan fiskal
- Pertindihan struktur, peranan dan tanggungjawab
- Salah laku dan rasuah
- Jurang antara dasar dan pelaksanaan
- Jurang penyampaian perkhidmatan sektor awam berbanding jangkaan rakyat

...bagi mencapai sasaran Ekonomi MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan darjat hidup rakyat.

RANGKA PEMBENTANGAN




Prestasi ekonomi dan perdagangan dunia memberi kesan dan mempengaruhi pencapaian ekonomi Malaysia



KDNK

Pertumbuhan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan, Bank Negara Malaysia dan Tabung Kewangan Dunia

Ekonomi Dunia

- Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang sederhana didorong oleh peningkatan pertumbuhan pasaran baru muncul dan ekonomi membangun.
- Pertumbuhan ini akan mendorong kepada lonjakan ekonomi Asia, terutama pemulihan dalam penggunaan swasta dan pengukuhan eksport.

Ekonomi Malaysia

- Ekonomi Malaysia berkembang 5.2% setahun bagi tempoh 3 tahun pertama RMKe-12, iaitu dalam lingkungan sasaran sebanyak 5.0% hingga 6.0%
- Pertumbuhan KDNK didorong oleh permintaan domestik yang dipacu oleh perbelanjaan dan pelaburan swasta serta disumbangkan oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan

Sasaran pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tempoh RMKe-12, iaitu 5.0%~6.0% setahun dijangka dapat dicapai melalui pelaksanaan strategi dan inisiatif serta 17 Anjakan Besar.

Secara umum, pencapaian kemajuan sosioekonomi negara menunjukkan trend yang positif...

Pencapaian sasaran terpilih



Pertumbuhan KDNK berada dalam lingkungan sasaran berkembang sebanyak 5.2% setahun (2021-2023)




Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia meningkat sebanyak 1.8% setahun, disokong oleh kemajuan ekonomi dan sosial yang kukuh (2021-2022)




Kapasiti terpasang Tenaga Boleh Baharu mencapai 24.3% pada tahun 2022, dan mengikut jadual untuk mencapai sasaran 31% menjelang 2025




Kedudukan ke-33 dalam Sub-Indeks Kecekapan Kerajaan (2024) dalam *IMD World Competitiveness Yearbook*




2021-2023
Kadar Inflasi



2022
Kemiskinan Tegar




2021-2023
Perbelanjaan Kasar R&D kpd KDNK




2023
Kebolehpasaran Graduan IPT dan TVET




2022
Nisbah Katil Hospital per 1,000 penduduk




2021-2023
Sumbangan PMKS kpd KDNK



2021-2023
Defisit Fiskal kepada KDNK



2021-2023
Rumah Mampu Milik







2021-2023
Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah

...namun kita tidak boleh berpuas hati dengan prestasi semasa dan perlu melipatgandakan usaha untuk mengukuhkan daya tahan dan daya saing negara.

Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi RMKe-12





Matlamat

Pencapaian



Matlamat


Pencapaian




*n.a = tiada maklumat

akan dilaporkan dalam UNFCCC Biennial Transparency Report Malaysia 2024

RANGKA PEMBENTANGAN



Pelbagai dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara telah dilaksanakan



FOKUS PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MERENTAS ENAM DEKAD

	Kemiskinan & jurang pendapatan	Kesenjangan pembangunan	Tekanan daripada persaingan antarabangsa	Kelemahan Pembangunan Modal Insan	Penerimgunaan teknologi yang rendah	Tatakelola & keadilan sosial yang masih lemah
Isu Struktur						
Dasar	<ul style="list-style-type: none"> Menurunkan kadar kemiskinan tinggi Menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi Mempertingkatkan tenaga kerja yang berdisiplin & produktif, meningkatkan kemahiran Meningkatkan pendapatan rakyat Mempertingkatkan pampasan pekerja (CE) kepada KDNK 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pembangunan mencapai pengagihan yang saksama Pembangunan luar bandar dan wilayah Mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi <ul style="list-style-type: none"> Pelan Induk Perindustrian Dasar Pertanian Negara Menumpukan kepada sektor dan industri strategik Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan pelaburan dan perdagangan Mempelbagaikan produk dan pasaran eksport Menyasarkan negara berpendapatan tinggi dan keluar daripada perangkap negara berpendapatan sederhana 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan modal insan melalui pendidikan dan latihan <ul style="list-style-type: none"> Dasar Pendidikan Kebangsaan Dasar TVET Negara 2030 Dasar Pendidikan Tinggi Nasional Memperluas peluang pekerjaan berpendapatan tinggi <ul style="list-style-type: none"> Dasar Gaji Minimum Dasar Gaji Progresif 	<ul style="list-style-type: none"> Mengalakkan R&D&C&I Meningkatkan insentif untuk pelaburan berteknologi tinggi Melonjakkan pendigitalan Dasar Revolusi Industri Keempat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Menggalakkan syarikat pemula dan PMKS menceburi bidang pertumbuhan baharu Pelan Halatuju Peralihan Tenaga Negara 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kecekapan pentadbiran awam dan memperketat prosedur perolehan Pelan Integriti Nasional Melaksana Pelan Anti Rasuah Negara (NACP) GovTech Akta Tanggungjawab Fiskal 2023 Akta ILTIZAM Kecekapan Kerajaan

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Menaikkan Siling Peneraju Ekonomi Asia

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh PMKS Serantau
- Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi

Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)



Dengan semangat perpaduan



Tatakelola yang baik (membangkitkan rasuah)



Sistem penyampaian awam yang tangkas & kolaboratif

Menaikkan Lantai Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Perlindungan Sosial untuk Semua

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas


Rancangan Malaysia Ketiga Belas

dijajarkan dengan matlamat Ekonomi MADANI melalui orientasi baharu dengan pelbagai reformasi yang lebih radikal dan memberi impak yang signifikan



Gerak kerja RMK13 adalah lebih mencabar mengambil kira persekitaran global dan isu domestik yang dinamik, tempoh masa penyediaan yang singkat serta memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pihak berkepentingan.

Apakah perubahan yang boleh dilaksanakan?



RMK13 memerlukan pendekatan yang dapat memberi impak yang besar dan bersifat transformatif

Apakah aspirasi Malaysia jangka panjang?

Kehidupan Produktif dan Bermaruah


Rakyat sihat dan bahagia yang saling menghormati

Pembangunan Inklusif dan Mampan

Bakat berdaya saing dengan gaji progresif dan taraf hidup yang lebih baik

Peneraju Ekonomi Serantau

Malaysia menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi serantau



Jejak Karbon yang Rendah

Penggunaan sumber alam yang mampan dan bertanggungjawab

Tadbir Urus Baik dan Cepak

Akauntabiliti, integriti, dan ketelusan dalam membuat keputusan penting

Negara Maju dan Rakyat Berinovatif

Penyertaan yang tinggi dalam industri bernilai tinggi dan berdaya maju serta penggunaan teknologi termaju yang lebih meluas

RMK13 tidak hanya mensasarkan objektif jangka masa pendek, namun turut menetapkan matlamat jangka masa panjang yang menjadi hala tuju pembangunan negara dalam tempoh sehingga tahun 2040

Tumpuan dan keutamaan

Apakah strategi yang diperlukan?



Reformasi dan strategi radikal diperlukan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat

Peranan dan tanggungjawab

Bagaimana anda dapat menyumbang?



Penglibatan semua pihak berkepentingan amat penting dalam membangunkan kerangka RMK13

RANGKA PEMBENTANGAN



RUMUSAN

Bersama kita membangun sosioekonomi demi memartabatkan bangsa dan negara.

Pelbagai reformasi telah dilaksanakan di bawah KSP RMK12.



Isu dan cabaran global dan domestik memerlukan perubahan yang lebih radikal dilaksanakan.



RMK13 merupakan kesinambungan dasar dan perancangan bagi mencapai matlamat Ekonomi MADANI.



RMK13 menetapkan sasaran dan matlamat jangka panjang melangkaui sehingga 2040



Penglibatan semua pihak diperlukan dalam membangun Kerangka RMK13 lebih holistik dan inklusif.





KEMENTERIAN EKONOMI

TERIMA KASIH

